
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMS 412 – Sejarah Sosial Malaysia Moden

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Kemasukan beramai-ramai kaum pendatang ke Tanah Melayu dalam zaman penjajahan adalah disebabkan tekanan ekonomi yang begitu buruk di negara asal mereka dan kemudahan mendapatkan kerja dan penghidupan di negara ini. Sejauh mana pada pandangan anda tepatnya pernyataan ini.
(100 markah)

2. Bincangkan peranan golongan modernis dan reformis dalam usaha pendakwaan Islam pada tahun-tahun 1920-an hingga 30-an di Tanah Melayu.
(100 markah)

3. Agama Kristian telah mula diperkenalkan di Tanah Melayu sejak abad ke-16 lagi. Sejauh manakah kejayaan agama ini dalam usaha menyebarkan ajarannya kepada penduduk pribumi (bumiputera) Malaysia?
(100 markah)

4. Bincangkan pengaruh Adat Temenggung dalam sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu sebelum merdeka.
(100 markah)

5. Bincangkan sejauh mana undang-undang Melayu lama dipengaruhi oleh syariah Islam.
(100 markah)

6. Sejauh mana pada pandangan anda sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris telah menyebabkan merosotnya sistem pendidikan pondok di negeri-negeri Melayu.
(100 markah)